



Cukai Taksiran & Harta Anda



Hang Tuah Bandaraya Pintar

APA ITU CUKAI TAKSIRAN HARTA?

Cukai Taksiran Harta ialah cukai yang dikenakan ke atas semua pegangan / harta di dalam kawasan pentadbiran Majlis berdasarkan kepada Nilai Tahunan dan Kadar Tahunan sebagaimana diperuntukkan di Bahagian XV, Akta Kerajaan Tempatan 1976.

MENGAPA CUKAI DIKUTIP?

Cukai taksiran dikenakan bagi membiayai :

- ❖ Keperluan pembinaan dan penyelenggaraan kemudahan infrastruktur awam dan prasarana seperti penyediaan kemudahan lampu awam, pondok bas, perhentian stesen bas / teksi, tandas awam, padang, tempat rekreasi, pasar, jalan, parit, dan sebagainya.
- ❖ Perkhidmatan pembersihan perbandaran di kawasan perumahan/perniagaan, kilang, taman-taman dan tempat-tempat awam melalui perkhidmatan pungut sampah, potong rumput, pengindahan bandar dan lain-lain.
- ❖ Penyediaan dan penyelenggaraan medan selera, lampu-lampu jalan dan longkang di kawasan tumpuan utama, kesemua ini adalah untuk menjamin kesejahteraan rakyat khususnya penduduk dalam kawasan Hang Tuah Jaya.

BAGAIMANA CUKAI TAKSIRAN DIBUAT?

Cukai taksiran dikenakan berdasarkan kepada Nilai Tahunan dan Kadar Tahunan.

Nilai Tahunan Semasa diambil kira berdasarkan kepada aras nilai sewa semasa penyediaan Senarai Nilaian yang dikuatkuasakan.

Kadar Tahunan Semasa yang diwartakan dikenakan mengikut jenis harta, luas binaan, dan kedudukan harta.

Contoh Kiraan :

Jika sesuatu pegangan mempunyai :

Nilai Tahunan : RM 2,000.00

Kadar Tahunan : 9.5%

Maka, cukai harta pegangan tersebut adalah seperti berikut :

$$\begin{aligned} &\text{RM } 2,000.00 \times 9.5/100 \\ &= \text{RM } 190.00 \text{ setahun} \end{aligned}$$